



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, MAC 2024

**Nilai jualan sektor Pembuatan berkembang sebanyak 1.4 peratus
untuk merekodkan RM158.4 bilion pada Mac 2024**

PUTRAJAYA, 10 MAY 2024 - Nilai jualan sektor Pembuatan berkembang sebanyak 1.4 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM158.4 bilion pada Mac 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Mac 2024** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat sebanyak 1.4 peratus pada Mac 2024, merekodkan trend positif tahun ke tahun untuk bulan ketiga berturut-turut, mencecah RM158.4 bilion. Peningkatan tersebut dipacu terutamanya oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (9.6%); Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (3.4%); dan Peralatan elektrik & elektronik (2.3%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan bertambah baik iaitu sebanyak 8.3 peratus berbanding negatif 4.3 peratus yang direkodkan pada Februari 2024."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 70.4 peratus daripada jumlah jualan, turun marginal 0.2 peratus pada Mac 2024, selepas kejatuhan yang lebih besar 1.7 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut disebabkan oleh kemerosotan dalam subsektor Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-6.7%); Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-5.5%); dan Pembuatan kimia & produk kimia (-3.0%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan industri berorientasikan eksport berkembang 9.9 peratus berbanding negatif 3.9 peratus yang dicatatkan pada Februari 2024.

Sebaliknya, industri berorientasikan domestik kekal kukuh, berkembang sebanyak 5.4 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 6.5%). Pengembangan tersebut sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan dua digit dalam industri Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan, yang meningkat 16.6 peratus. Tambahan lagi, industri Pembuatan produk prosesan makanan; dan Pembuatan produk galian bukan logam lain turut menyumbang kepada pertumbuhan tersebut dengan masing-masing mencatatkan 7.7 peratus dan 6.5 peratus. Berbanding bulan

sebelumnya, nilai jualan industri berorientasikan domestik tumbuh 4.7 peratus, berbanding dengan penurunan 5.0 peratus pada Februari 2024.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan menyatakan, “Seramai 2.36 juta orang terlibat dalam sektor Pembuatan pada Mac 2024, iaitu meningkat 0.5 peratus berbanding 2.35 juta orang yang direkodkan setahun lalu (Februari 2024: 0.6%). Kenaikan itu sebahagian besarnya didorong oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (4.4%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.7%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (0.6%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang secara marginal 0.1 peratus.

Selaras dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan tumbuh 0.7 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM8.23 bilion pada Mac 2024. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah menyusut 0.2 peratus daripada RM8.24 bilion yang direkodkan pada Februari 2024. Selain itu, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus dengan nilai RM3,482 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja naik sebanyak 0.9 peratus kepada RM67,022.”


Merumuskan prestasi sektor Pembuatan untuk suku pertama 2024, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan memulih kepada 1.8 peratus pada suku pertama 2024, mencapai RM457.3 bilion (ST4 2023: -2.7%). Pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (8.3%); serta Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (8.2%); dan Peralatan elektrik & elektronik (2.1%). Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja bertambah sebanyak 0.5 peratus untuk merekodkan seramai 2.36 juta orang manakala gaji & upah tumbuh 1.2 peratus kepada RM24.8 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus, berjumlah RM193,493.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Mac 2023 - Mac 2024




Carta 2: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2020 – ST1 2024




Carta 3: Pertumbuhan Subsektor Pembuatan, Februari 2024 dan Mac 2024




Carta 4: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Mac 2023 - Mac 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Februari 2024 dan Mac 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Februari 2024 dan Mac 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 MEI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA,
MARCH 2024

The sales value of the Manufacturing sector expanded by 1.4 per cent to record RM158.4 billion in March 2024

PUTRAJAYA, 10 MAY 2024 – The sales value of the Manufacturing sector expanded by 1.4 per cent year-on-year to record RM158.4 billion in March 2024. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia, March 2024**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The sales value of the Manufacturing sector increased by 1.4 per cent in March 2024, marking a positive year-on-year trend for the third consecutive month, reaching RM158.4 billion. The rise was primarily driven by the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (9.6%); Wood, furniture, paper products & printing (3.4%); and Electrical & electronics products (2.3%) sub-sectors. On a month-on-month comparison, the sales value improved by 8.3 per cent as compared to the negative 4.3 per cent recorded in February 2024.”

The sales value of export-oriented industries which accounted for 70.4 per cent of total sales, dropped marginally by 0.2 per cent in March 2024, following a larger decline of 1.7 per cent in the preceding month. The decrease was attributable to the decline in the Manufacture of coke & refined petroleum products (-6.7%); Manufacture of vegetable & animal oils & fats (-5.5%); and Manufacture of chemicals & chemical products (-3.0%) sub-sectors. On a month-on-month basis, the sales value of export-oriented industries soared by 9.9 per cent as against the negative 3.9 per cent registered in February 2024.

Conversely, the domestic-oriented industries remained vibrant, growing by 5.4 per cent in March 2024 (February 2024: 6.5%). The expansion was driven by the double-digit growth of the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment, which accelerated to 16.6 per cent. Additionally, the Manufacture of food processing products; and Manufacture of other non-metallic mineral products contributed to the growth by registering 7.7 per cent and 6.5 per cent, respectively. As compared to the previous month, the sales value of domestic-oriented industries grew by 4.7 per cent, contrasting a decrease of 5.0 per cent in February 2024.

Elaborating further, the Chief Statistician stated, “There were 2.36 million persons engaged in the Manufacturing sector in March 2024, which increased by 0.5 per cent as against 2.35 million persons recorded a year ago (February 2024: 0.6%). The increase was predominantly in the Food, beverages & tobacco (4.4%); Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (1.7%); and Wood, furniture, paper products & printing (0.6%) sub-sectors. In comparison to the preceding month, the number of employees in this sector decreased marginally by 0.1 per cent.

Likewise, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector grew by 0.7 per cent year-on-year to record RM8.23 billion in March 2024. On a month-on-month comparison, the salaries & wages edged down by 0.2 per cent from RM8.24 billion recorded in February 2024. Moreover, the average monthly salaries & wages per employee posted an increase of 0.2 per cent with a value of RM3,482 while the sales value per employee up by 0.9 per cent to RM67,022.”

Summarising the Manufacturing sector performance for the first quarter of 2024, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The sales value of the Manufacturing sector bounced back to 1.8 per cent in the first quarter of 2024, achieving RM457.3 billion (Q4 2023: -2.7%). The growth was contributed by the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (8.3%); as well as Transport equipment & other manufactures (8.2%); and Electrical & electronics products (2.1%) sub-sectors. During the period, the number of employees increased by 0.5 per cent to record a total of 2.36 million persons while salaries & wages grew by 1.2 per cent to RM24.8 billion. Moreover, the sales value per employee registered an increase of 1.2 per cent, amounting to RM193,493.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector, March 2023 – March 2024




Chart 2: Sales Value of the Manufacturing Sector, Q1 2020 – Q1 2024




Chart 3: The Growth of Manufacturing Sub-sector, February 2024 and March 2024




Chart 4: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for Manufacturing Sector, March 2023 – March 2024




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, February 2024 and March 2024





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, February 2024 and March 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 MAY 2024**